

**UCAPAN PENGGULUNGAN
YB MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH
DI PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH
PADA 20 JUN 2013**

Tuan Speaker,

Terlebih dahulu saya ingin dengan takzimnya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah atas ucapan dasar yang dizahirkan di Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Ke-14 pada 17 Jun yang lalu.

Ucapan Tuan Yang Terutama telah menyentuh setiap aspek strategi dan program pembangunan Negeri Sabah dan mencerminkan keperihatinan dan kepekaan Tuan Yang Terutama terhadap kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Negeri ini.

Tuan Speaker,

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Yang Mulia ini yang telah menyentuh prestasi Kementerian saya secara khusus mahupun secara umum. Maklumbalas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat amat dialu-alukan. Disamping memberi peluang kepada Kementerian ini memberikan penjelasan ataupun memberi gambaran sebenar, isu-isu yang dibangkitkan juga membolehkan Kementerian ini mengemaskini program-program yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Tuan Speaker,

Seperti yang telah diumumkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri awal tahun ini, kadar kemiskinan Negeri Sabah bagi tahun 2012 telah buat pertama kalinya turun ke paras dengan izin, **single digit** iaitu 8.1 peratus berbanding 19.7 peratus dalam tahun 2009.

Penurunan tersebut, walaupun disambut secara sinis (*cynical*) oleh beberapa orang Ahli Pembangkang, mencerminkan pencapaian cemerlang Kerajaan dalam menangani kemiskinan di Negeri Sabah.

Bagi tempoh masa yang sama iaitu daripada tahun 2009 hingga 2012, kadar kemiskinan tegar juga telah turun iaitu dari 4.8 peratus kepada 1.6 peratus.

Sebagai perbandingan juga, kadar kemiskinan Negeri Sabah termasuk Labuan pada tahun 1976 ialah **58.3** peratus. Sehubungan itu pencapaian menurunkan kadar kemiskinan kepada 8.1 peratus bagi tahun 2012 tidak berlaku dengan sendirinya tanpa komitmen penuh dan tindakan terselaras Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program-program pembasmian kemiskinan di negeri ini.

Bagi Negeri Sabah puncak ataupun dengan izin, **apex** mekanisme pemantauan prestasi program-program membasmi kemiskinan sejak hampir 10 tahun yang lalu ialah YAB Ketua Menteri sendiri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pemandu SPKR/Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri. Keberkesanan sistem pemantauan disamping program-program yang berkesan seperti 1Azam, MESEJ, Ladang PPRT, Program Bantuan Rumah dan lain-lain lagi termasuk program-program di bawah NKRA, Infrastruktur Asas Luar Bandar telah berupaya menurunkan kadar kemiskinan di Negeri Sabah secara signifikan.

Tuan Speaker,

Satu lagi dengan izin, **highlight** pencapaian kerajaan dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar ialah pelaksanaan program-program di bawah NKRA, Infrastruktur Asas Luar Bandar Kerajaan Persekutuan meliputi projek-projek Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) disamping Program Bantuan Rumah (PBR).

Program-program yang disebutkan berupaya merealisasikan objektif Transformasi Luar Bandar disamping meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar dan menyumbang kepada usaha membasmi kemiskinan pada keseluruhannya melalui penyediaan kemudahan asas untuk dinikmati oleh isi rumah luar bandar.

Dalam tempoh tahun 2010 hingga bulan Mei 2013, lebih RM2.2 billion dibelanjakan bagi pembinaan Jalan Luar Bandar dengan pencapaian fizikal pembinaan JALB sepanjang 1,169.06 km.

Dalam tempoh pada masa yang sama sejumlah hampir RM1.776 billion dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan projek-projek Bekalan Air Luar Bandar meliputi sejumlah 95,562 unit rumah, manakala sejumlah hampir RM1.892 billion dibelanjakan bagi pelaksanaan projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar melibatkan 39,323 buah rumah.

Tuan Speaker,

Di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) Kerajaan Persekutuan, Kementerian saya adalah **penyelaras utama** bagi pembinaan rumah-rumah **bina baru** yang dilaksanakan oleh Pejabat-

Pejabat Daerah, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Perbandaran Tawau. Termasuk bagi tahun ini sejumlah 8,249 rumah bina baru diluluskan di bawah PBR untuk dilaksanakan melalui Kementerian ini.

Tuan Speaker,

Inginlah juga saya merujuk kepada beberapa isu yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Yang Mulia ini yang berkaitan dengan tanggungjawab atau bidang kuasa Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Klias, angka-angka bagi kadar kemiskinan diumumkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kadar kemiskinan bagi negara termasuk Negeri Sabah tidak dikeluarkan setiap tahun tetapi adalah berasaskan Kajian Pendapatan Isi Rumah atau dengan izin, **Household Income Survey** yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan.

Disamping itu keadaan di setiap negeri dalam negara ini adalah berbeza-beza dari segi jumlah penduduk, saiz kawasan dan lain-lain. Tidak ada sebab atau asas mengapa angka-angka yang dikeluarkan oleh agensi pusat Kerajaan Persekutuan seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri harus dipertikaikan.

Sehubungan dengan itu juga memang terdapat perbezaan dalam kadar kemiskinan di kalangan daerah-daerah negeri ini. Program-program khusus seperti Agropolitan dan MESEJ dilaksanakan di kawasan-kawasan lubuk kemiskinan termasuklah di kawasan utara Negeri Sabah. Antaranya ialah Agropolitan Pulau Banggi, Agropolitan Pitas, Agropolitan Kg.Gana di Kota Marudu, MESEJ Kg.Minikodong di Matunggong, MESEJ Kg.Kotud di Kota Marudu, MESEJ Mikro Kg.Barambangon, Kudat, MESEJ Kg.Kiandut dan Kg.Tukar di Pitas disamping MESEJ Mikro Kg.Tabatu di Paitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Balung, memanglah menjadi hasrat kerajaan untuk mensifarkan kemiskinan khususnya kemiskinan tegar. Sehubungan itu kadar kemiskinan tegar telah berjaya dikurangkan daripada 4.8 peratus pada tahun 2009 kepada 1.6 peratus pada tahun 2012. Kerajaan akan terus melaksanakan program-program membasmi kemiskinan khususnya yang berimpak tinggi dan mapan untuk menyelesaikan isu kemiskinan khususnya di kawasan-kawasan lubuk kemiskinan. Sebagai contoh, Ladang PPRT Kalabakan di Tawau kini berupaya membayar dividen sebanyak RM400 sebulan kepada 393 peserta Ketua Isi Rumah Termiskin sejak tahun 2010.

Tuan Speaker,

Ahli Yang Berhormat dari Tamparuli telah membangkitkan isu perlunya proses pemilihan bagi Pengerusi dan ahli-ahli badan JKKK untuk memastikan akauntabiliti badan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Tamparuli sedia maklum bahawa badan JKKK merupakan institusi akar umbi yang sangat penting dalam mendokong dan merealisasikan program-program dan aspirasi kerajaan. Populariti atau majoriti sahaja dalam sesebuah kampung tidak semestinya menjanjikan pembangunan dan kesejahteraan bagi penduduk kampung.

Sehubungan dengan itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tamparuli dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Negeri memberi pilihan kepada ADUN kawasan-kawasan yang diwakili oleh kerajaan samada memperakukan terus pelantikan Pengerusi dan ahli-ahli JKKK ataupun mengadakan pemilihan.

Bagi kawasan-kawasan yang tidak diwakili oleh ADUN Kerajaan, kaedah pelantikan Pengerusi dan ahli-ahli JKKK diputuskan oleh Jawatankuasa Barisan Nasional Kawasan bagi memastikan JKKK yang dilantik kelak memberikan kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan dalam merancang dan melaksanakan program-program pembangunan dalam sesebuah kampung.

Berhubung penubuhan institut latihan bagi melatih Pengerusi dan ahli-ahli JKKK seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kiulu, inginlah dimaklumkan di Dewan Yang Mulia ini bahawa sejak mula penubuhan JKKK pusat atau jabatan khas iaitu Pusat Pembangunan Masyarakat telah ditubuhkan bagi mengurus dan menyelia pembentukan, pentadbiran, latihan dan pemantauan badan JKKK.

Sejak tahun 1995 tanggungjawab tersebut telah diletakkan di bawah Jabatan dan kemudiannya Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah melalui Bahagian Latihan dan Pembangunan Masyarakat yang mempunyai pegawai dan kakitangan khas bagi melaksanakan tanggungjawab melatih Pengerusi-Pengerusi JKKK dan JKDB dengan penglibatan pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Kursus Pentadbiran dan Pengurusan JKKK diadakan di setiap kawasan pilihanraya negeri bagi mendedahkan kepimpinan badan tersebut kepada pelbagai aspek pembangunan sosio ekonomi dan keselamatan. Disamping itu kursus khas juga dianjurkan secara berkala bagi pengurusan alam sekitar dengan memberi fokus kepada kebersihan, pelupusan sisa pepejal dan pemeliharaan alam sekitar.

Kementerian saya akan sentiasa memastikan bahawa kandungan kursus sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan berupaya melengkapkan JKKK dan JKDB untuk melaksanakan tanggungjawab.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kemabong dan Dewan Yang Mulia ini, pembinaan petempatan bagi MESEJ Kg.Ungga di kawasan Kemabong sedang dalam kajian. Penanaman getah di MESEJ tersebut telahpun disiapkan dan kini dalam penyelenggaraan.

PENUTUPAN

Tuan Speaker,

Kementerian saya melalui Jawatankuasa-Jawatankuasa diperingkat Kerajaan Persekutuan sentiasa menekankan kemudahan asas termasuk pembinaan perumahan di bawah PBR di Negeri Sabah ditingkatkan selaras dengan objektif meningkatkan kualiti hidup luar bandar dan juga membasmi kemiskinan.

Dengan penerusan program-program pembasmian kemiskinan dan juga peningkatan infrastruktur asas luar bandar, pihak saya yakin objektif tersebut akan dapat dicapai. Dengan kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini dan gandingan mantap penjawat awam, saya berkeyakinan penuh kadar kemiskinan Negeri Sabah akan terus dapat dikurangkan.

Tuan Speaker,

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadhan kepada rakyat negeri ini yang beragama Islam.

Tuan Speaker,

Saya mohon menyokong.

Terima kasih.